

# Robert Zhao Renhui

# SEEING FOREST

Robert Zhao Renhui  
*Melihat Hutan*

*Seeing Forest* (Melihat Hutan) ialah projek yang diilhamkan oleh Robert Zhao Renhui untuk Pavilion Singapura di Pameran Seni Antarabangsa ke-60 – La Biennale di Venezia pada tahun 2024.

Pemerhatian terhadap sesuatu di alam semula jadi yang akhirnya tidak dapat diketahui merupakan ciri khas amalan artistik Zhao, dan pelbagai projeknya menyerlahkan interaksi kompleks antara alam dan kehidupan manusia. Selama hampir sedekad, beliau telah mendokumentasikan pelbagai hutan sekunder di Singapura – kawasan berpokok yang tumbuh di atas tanah yang sebelum ini dinyahutan demi pembangunan manusia – merakamkan fenomena yang jarang, jika pernah, dilihat sebelum ini.


Hutan sekunder ialah ambang di antara hutan primer yang tidak terganggu dan kawasan bandar yang dibangunkan, dan sering menjadi habitat kepada spesies tumbuhan dan haiwan yang telah dibawa masuk ke Singapura sejak abad ke-19. Ia juga menawarkan gambaran ke dalam jaringan rumit

kewujudan bersama antara manusia dan bukan manusia. Pemerhatian terkumpul Zhao terhadap kawasan ini dipadatkan menjadi imej dan instalasi yang mencabar pemikiran, mendedahkan lapisan garis masa dan cerita di dalamnya.

*Melihat Hutan* membentangkan pandangan timbal balik: bagaimana kita melihat alam semula jadi dan bagaimana alam melihat kita. Pameran ini mengundang kita untuk menerokai kerumitan landskap Singapura yang sedia berkembang, menunjukkan bagaimana perancangan bandar telah membentuk alam semula jadi, dan bagaimana alam, seterusnya, bertindak balas. Di tengah-tengah struktur konkrit bandar ini, terdapat ekosistem bertenaga yang rancak berkembang di luar kawalan dan peraturan manusia, memupuk kehidupan yang menentang pengkategorian atau penguasaan. Di samping itu, pameran ini menawarkan sekilas pandangan terhadap ritma hutan yang penuh makna dan tidak dapat dikuasai, yang bergerak di ruang yang sering diabaikan dalam kesibukan kehidupan bandar.

Robert Zhao Renhui (l. 1983, Singapura) ialah seorang artis antara disiplin yang menerokai hubungan yang kompleks dan bercampur aduk antara alam semula jadi dan budaya. Bekerja merentasi instalasi, fotografi, video dan arca, Zhao berminat dengan pelbagai makhluk dan objek yang membentuk dunia hidup, serta mempunyai pengalaman serta pengetahuan yang memperkayakan kewujudan kolektif kita.

Zhao telah mengadakan pameran solo *The Forest Institute* (Institut Hutan) (2022) di Gillman Barracks, Singapura dan *Monument in the Forest* (Monumen di Hutan) di Galeri ShanghART (2023) di Shanghai. Karya terbaharunya ialah instalasi persembahan bertajuk *Albizia* (2023), yang ditempah oleh Esplanade - Theatres on the Bay. Beliau juga telah dipaparkan dalam Gwangju Biennale ke-14 (2023), 10th Busan Biennale (2020), 6th Singapore Biennale (2019), 9th Asia Pacific Triennial of Contemporary Art (2018), 11th Taipei Biennale (2018), 17th Jakarta Biennale (2017) dan Biennale ke-20 Sydney (2016). Pada tahun 2010, Zhao menerima Anugerah Artis Muda Majlis Seni Negara yang berprestij, iaitu anugerah tertinggi Singapura untuk pengamal seni muda berumur 35 tahun ke bawah. Beliau juga merupakan finalis untuk Anugerah Seni Hugo Boss Asia pada tahun 2017.



1. *Trash Stratum (Stratum Sampah)*
2. *A Guide to a Secondary Forest of Singapore (Panduan Hutan Sekunder Singapura)*
3. *Buffy*
4. *The Owl, The Travellers and The Cement Drain (Burung Hantu, Pengembara dan Longkang Simen)*

## **1. *Trash Stratum* (Stratum Sampah)**

Struktur utama pameran ini ialah kabinet yang ran, diperbuat daripada tindihan kotak-kotak kayu. Ia mengingatkan kembali kepada kabinet berisi koleksi artifak yang pelik dan unik, pada masa yang sama mencabar pendekatan penjajah terhadap pengumpulan dan pengkategorian yang berkaitan dengan koleksi tersebut. Dalam struktur ini, 14 skrin memaparkan pelbagai makhluk yang melawat lubang air yang tercipta dengan tong sampah yang ditinggalkan oleh pekerja asing yang tinggal di dalam hutan. Turut dipaparkan ialah gambar dekat objek-objek dari hutan yang dikumpulkan oleh artis itu.

Imej-imej ini diselang-seli dengan pelbagai gambar arkib dan objek yang diambil dari hutan. Dikumpulkan oleh artis semasa membuat penyelidikan, objek-objek ini telah ditemui sama ada di dasar sungai selepas hujan, atau ditemui terjerat di akar terdedah pokok yang telah tumbang dek angin kencang. Objek-objek ini membuktikan bagaimana hutan mengekalkan sejarah manusia, pada masa yang sama terus berkembang bersamanya.

Gabungan rakaman dan objek menyatakan transformasi dari masa ke masa di dalam suatu tempat dan penyusunan semula hutan yang tidak berkesudahan. Dengan menggugah naratif penjajah berkenaan kawalan ke atas alam semula jadi, *Trash Stratum* membayangkan lebih banyak perhubungan yang berubah-ubah antara manusia dan bukan manusia, mengingatkan kita tentang kewujudan kita yang bertaut.

## **2. A Guide to a Secondary Forest of Singapore (Panduan Hutan Sekunder Singapura)**

Peta hutan khayalan ini membentangkan gambaran keseluruhan penerokaan dan penyelidikan meluas artis di hutan sekunder Singapura — hutan yang tumbuh selepas pemusnahan tumbuh-tumbuhan primer. Hutan sedemikian sering didiami oleh spesies asli dan asing yang berinteraksi untuk mencipta ekosistem baru. Mencerminkan ekologi hutan sekunder yang kaya, terutamanya yang berdekatan dengan rumah artis di Bukit Panjang dan kawasan Queen's Own Hill yang dilupakan (kini Berek Gillman), peta itu menggabungkan stesen dan ciri simbolik yang Zhao temui semasa berjalan-jalan dan menangkap dengan kamera penderia gerakan dalam tempoh yang panjang.

Unsur-unsur semula jadi dan buatan manusia yang terkenal yang digambarkan termasuk pokok Albizia — spesies asing yang pada mulanya ditanam kerana pertumbuhannya yang cepat — yang dalam masa yang singkat menjadi tumbuhan semula jadi di hutan sekunder Singapura, dan longkang konkrit yang hancur dari zaman penjajahan British, yang menyembunyikan sungai yang penting untuk ekosistem hutan.

### **3. Buffy**

Buffy Fish Owl ialah burung yang berasal dari Asia Tenggara. Burung ini diketahui mendiami taman berhutan dan rizab alam semula jadi dan telah diperhatikan meminum air dari longkang simen retak di Gillman Barracks. Imej burung itu, dengan membelakangi kita, membangkitkan aforisme yang penuh teka-teki oleh ahli falsafah Yunani Heraclitus: "Alam semula jadi suka bersembunyi." Karya seni ini merujuk bagaimana alam semula jadi mempunyai kecenderungan yang sedia ada untuk menyembunyikan hakikatnya, sekali gus merujuk kepada idea bahawa intipati sebenar sesuatu itu tidak mudah digarap atau difahami.

#### **4. *The Owl, The Travellers and The Cement Drain* (Burung Hantu, Pengembara dan Longkang Simen)**

Video ini menghimpunkan rakaman hutan sekunder di Singapura yang telah dikumpulkan selama hampir sedekad. Ini termasuk detik-detik yang dirakam semasa lawatan artis ke hutan, dari apartmen beliau di tingkat 26 menggunakan kanta zum, serta kamera-kamera tangkapan gerakan dan termal yang beliau telah pasang di dalam hutan.

Hutan sekunder ini ialah tempat unsur-unsur semula jadi dan buatan manusia berinteraksi, spesies yang diperkenalkan dan asli wujud bersama, dan dahulu dan sekarang terjalin. Khemah terbiar di bawah pokok. Mergastua dan burung migrasi berehat di tong sampah dan longkang konkrit yang pecah. Sisa-sisa kemudahan ketenteraan dari zaman penjajahan British dan pendudukan Jepun, serta barang-barang yang ditinggalkan oleh pekerja asing, bertaburan dan tertanam di dalam hutan. Berlapis pada landskap ini ialah naratif yang sukar difahami tentang dua pengembara yang melalui hutan itu; mereka bercakap tentang perkara yang dilihat di dalam hutan dan perkara yang dilihat oleh hutan.

Kedua-dua skrin karya seni itu juga sengaja diatur seiring untuk menyerlahkan kontras dan interaksi antara alam semula jadi dan peristiwa yang disebabkan oleh campur tangan manusia. Melalui ini, artis mendorong kita untuk membayangkan semula hutan ini – yang sentiasa dibentuk dan dipadamkan oleh perluasan bandar – sebagai ruang kemungkinan yang boleh berubah, iaitu sempadan antara manusia dan bukan manusia, dan asli dan asing dibongkar.



Pengenalan kepada hutan sekunder di Singapura dalam sepuluh adegan:

### **1. Dari jendela flat saya dapat melihat pinggir hutan.**

Di Singapura, ruang bandar dan alam semula jadi selalunya berdekatan, dengan pembangunan sentiasa mengalihkan sempadan antara ruang tersebut.

### **2. Pengembara**

Dua pengembara berjalan melalui hutan dan bercakap tentang roh. Di udara, burung kakak tua berterbangan.

### **3. Simbol-simbol ketuhanan kelihatan di lapisan sampah**

Kem pendatang tanpa izin yang pernah tinggal di dalam hutan menjadi tempat haiwan berhimpun. Benda-benda di kem, termasuk baldi, botol dan tong sampah hitam menjadi penting untuk kelangsungan hidup haiwan.

### **4. Longkang Simen**

Aliran semula jadi muncul kembali apabila longkang konkrit yang dibina di atasnya pada tahun 1935 hancur.

### **5. Ada dunia lain dan ia berada di dalamnya**

Babi hutan dan manusia bersilang jalan di pinggir hutan. Dua pengembara menemui papak batu lama dari bekas kem tentera British. Rusa sambar memerhati dari berdekatan. Dipamerkan juga, sejumlah imej pilihan memaparkan sejarah hutan sekunder dari tahun 1900-an hingga 1940-an. Seekor biawak benggala meredah hutan.

## **6. Dunia baharu**

Pengembara memerhatikan kejadian di dalam hutan. Haiwan meneroka benda-benda yang ditinggalkan oleh manusia.

## **7. Kembali sebagai babi hutan**

Saya perhatikan seekor babi hutan beranak dari tingkap saya. Berdekatan, hutan sedang dibersihkan.

## **8. Rusa berjalan ke hujung dunia**

Rusa sambar muncul di hutan. Sehingga baru-baru ini, haiwan ini dianggap telah pupus di Singapura. Tidak diketahui dari mana datangnya populasi sekarang.

## **9. Siapa yang tahu apa yang burung kakak tua tahu?**

Pada pukul 7 setiap malam, burung kakak tua berduyun-duyun ke pokok ini untuk bertelur. Pengembara tiba di penghujung perjalanan mereka di hutan, dan salah seorang daripada mereka memutuskan untuk membuang air.

## **10. Pemandangan dari tingkap saya, 2014 dan 2024.**